

PIDM sedia laksana intervensi, resolusi

KUALA LUMPUR 28 Dis. - Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) bersedia melaksanakan intervensi atau resolusi dengan segera terhadap ahli institusi yang bermasalah untuk mengekalkan kestabilan sistem kewangan.


Ketua Pegawai Eksekutif PIDM, Jean Pierre Sabourin berkata, ia berikutan perjanjian ditandatangani bersama Cagamas Berhad (Cagamas) sebahagian daripada rancangan luar jangka bagi memastikan kesiediaan operasinya.

Katanya, kerjasama itu bertujuan memastikan PIDM mempunyai akses kepada dana tersedia sekiranya diperlukan yang akan diperolehi daripada terbitan sekuriti hutang Cagamas kepada pasaran modal.

“Kesiediaan dan keberkesanan operasi merupakan aspek kritikal bagi mencapai mandat PIDM dan memperkukuhkan perlindungan pengguna,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Sabourin dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Chung Chee Leong di Kuala Lumpur baru-baru ini disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan kedua-dua organisasi.

Di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta



CHUNG CHEE LEONG (dua dari kiri) bersalaman selepas bertukar-tukar dokumen dengan Jean Pierre Sabourin di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

PIDM) 2011, Perbadanan merupakan pihak berkuasa pelaksanaan resolusi di Malaysia bagi bank-bank ahli dan ahli penginsurans.

PIDM mempunyai pelbagai kuasa perundangan untuk melaksanakan intervensi awal terhadap institusi ahli yang bermasalah untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya kegagalan institusi ahli.

Sementara itu, Chee Leong berkata, pihaknya berbesar hati untuk bekerjasama dengan PIDM dalam meningkatkan pelan kesedi-

aan operasi.

“Kerjasama ini dapat memberi manfaat bersama dan akan membantu mengukuhkan sumbangan PIDM dan Cagamas kepada industri kewangan secara keseluruhannya.

“Cagamas merupakan sebuah perbadanan gadai janji sekunder yang terawal ditubuhkan di rantau ini dan kami sedang meningkatkan peranan kami dengan inisiatif-inisiatif baharu seperti kerjasama dengan PIDM,” tambahnya.